



B A B : I I
F a s a l K e d u a

2. MENGHADIRKAN YANG DIDAKWA KE MAHKAMAH SEKIRANYA IA BERADA DI LUAR BIDANGKUASA HAKIM

2.1 Jika pihak yang didakwa itu tinggal di satu daerah lain, tetapi daerah itu masih di dalam bidangkuasa seseorang Hakim. Hakim hendaklah menulis surat kepada orang yang berkuasa di daerah tersebut supaya memaksa pihak yang didakwa hadir ke Mahkamah pada hari perbicaraan.¹⁹

2.2 Sebaliknya, jika pihak yang didakwa itu tinggal di satu daerah di luar bidang kuasa seseorang Hakim, dan Hakim itu tidak mempunyai kuasa untuk meminta kerjasama dari pihak yang berkuasa di daerah itu, maka dalam keadaan demikian Hakim boleh menjalankan perbicaraan tanpa dihadiri oleh pihak yang didakwa.²⁰

Penulis akan membincangkan bagaimana prosedur untuk menjalankan perbicaraan terhadap pihak yang didakwa yang berada di dalam atau di luar bidangkuasa Hakim dalam bab yang seterusnya.

1. MAHKAMAH YANG BERHAK MENDENGAR PENDAKWAAN

1.1 Pada prinsipnya, Mahkamah yang berhak mendengar pendakwaan ialah Mahkamah yang terletak di tempat tinggal atau mukim pihak yang didakwa. Terdapat di dalam kitab 'Waqi'at al-Muftin fi Fiqh al Hanafi²¹ menyebutkan;

"Apabila terdapat di dalam satu-satu kota yang besar dua orang Hakim masing-masing ditugaskan di satu-satu daerah atau kawasan yang berasingan, kemudian berlaku pergaduhan di antara dua orang lelaki, yang mana kedua-duanya dari kawasan yang berlainan, sedangkan pihak pendakwa ingin membawa kes itu kepada Hakim di tempatnya dan pihak yang didakwa mengingkari, maka menurut Abu Yusuf hendaklah diambil kira kehendak pihak pendakwa, sebaliknya menurut Muhammad tidak boleh diambil kira kehendak pihak pendakwa, bahkan hendaklah diambil kira kehendak pihak yang didakwa. Pendapat ini telah difatwakan"

Ringkasnya seseorang Hakim yang mempunyai bidang kuasa bagi mengadili satu-satu kes jika terdapat perselisihan tentang siapa yang berhak mendengar pendakwaan, maka Hakim yang mempunyai bidang kuasa di tempat tinggal yang didakwa harus diutamakan.

Al-Faqih Qudri Afandi²² menambah lagi dengan katanya;

"Jika berlaku perebutan di antara seorang tentera dan dengan orang kampung dalam satu-satu kes, sedangkan kedua-dua pihak yang bertikai mahukan perbicaraan diadakan atau dijalankan ditempat masing-masing. Dalam hal ini kes itu hendaklah dibicarakan oleh Hakim tempat pihak yang di dakwa"

1.2 Menurut seksyen 121, Kanun Prosedur Jenayah²³ telah memperuntukkan bahawa tiap-tiap kesalahan itu hendaklah disiasat dan dibicarakan oleh Mahkamah yang di had tempatan bidang kuasa kesalahan itu dilakukan. Apabila seseorang dituduh melakukan sesuatu kesalahan kerana apa-apa yang telah dibuat dan apa-apa jua akibat yang telah berlaku kesalahan itu bolehlah disiasat atau dibicarakan oleh Mahkamah di dalam had tempatan bidang kuasa perbicaraannya perkara itu telah dilakukan atau pun apa-apa akibat itu telah berlaku.²⁴

1.3 Jika terdapat kejadian kesalahan yang dilakukan oleh pihak yang didakwa itu tidak dapat ditentukan iaitu;

i. Apabila tidak dapat ditentukan dimanakah antara beberapa kawasan, kesalahan itu telah dilakukan,

ii. Apabila sebahagian daripada kesalahan itu dilakukan di dalam sebuah kawasan, dan sebahagian lagi di kawasan yang lain pula,

iii. Apabila kesalahan itu bercorak berterusan, dan terus dilakukan dalam kawasan-kawasan yang lebih daripada sebuah, atau

iv. Apabila ia mengandungi beberapa perbuatan di kawasan tempatan yang berlainan,

maka kesalahan-kesalahan itu bolehlah di siasat atau dibicarakan oleh Mahkamah yang berkuasa ke atas mana-mana juga kawasan-kawasan tempatan serupa itu.²⁵

1.4 Sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang pesalah dalam masa perjalanan atau pelayarannya boleh disiasat atau dibicarakan oleh Mahkamah dalam had tempatan kawasan perbicaraannya pesalah, semasa melalui perjalanan atau pelayaran itu.²⁶

Apabila timbulnya keraguan berkenaan dengan Mahkamah manakah berkuasa membicarakan mana-mana kesalahan mengikut peruntukkan dalam Kanun ini, mak. Mahkamah Tinggi bolehlah;

i. dengan arahnya sendiri, atau

ii. jika sesuatu Mahkamah Rendah merujuk perkara itu kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan arahnya, atau

iii. di atas permohonan yang dibuat oleh Pendakwaraya atau orang yang dituduh menentukan Mahkamah yang mana berhak menyelidiki atau membicarakan kesalahan itu.²⁷

Di sini dapatlah penulis katakan, bahawa Mahkamah yang berhak mendengar pendakwaan ialah Mahkamah yang berada di dalam wilayah pihak yang didakwa atau di mana kesalahan itu dilakukan. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan di antara prosedur yang dijalankan di Mahkamah Sivil dengan prosedur yang dijalankan oleh sistem kehakiman Islam dalam menentukan Mahkamah manakah yang berhak mendengar pendakwaan jika berlaku keraguan. Menurut Kanun Prosedur Jenayah Mah-

kamah Tinggi akan menentukan Mahkamah manakah yang berhak mendengar pendakwaan.²⁸ Sebaliknya dalam sistem kehakiman Islam, Mahkamah yang berada di dalam wilayah pihak yang didakwa harus diutamakan.²⁹

1.5 Mengenai satu-satu dakwaan yang berkaitan dengan sesuatu harta, samada harta itu berbentuk harta alih atau harta tak alih, sedangkan harta itu berada di tempat pihak pendakwa, maka Mahkamah yang berhak mendengar dakwaan ialah Mahkamah yang berada di tempat di mana harta itu dipertikaikan. Ini menurut pendapat sebahagian 'ulama' Mazhab Maliki.³⁰ Terdapat di dalam kitab al-Khattab³¹ menyebutkan;

"Apabila sesuatu benda yang didakwa itu berada dinegeri pihak pendakwa, maka menurut Ibn Majisyun dakwaan itu hendaklah dikemukakan ke Mahkamah ditempat sesuatu benda yang dipertikaikan itu berada".

2. PROSEDUR MENGEMUKAKAN PENDAKWAAN

2.1 Satu-satu dakwaan yang dikemukakan secara lisan kepada Hakim, hendaklah dihadiri oleh pihak pendakwa sendiri. Menurut Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor) Pindaan 1974,³² memperuntukkan;

"Pengaduan yang berkehendakkan pendakwaan hendaklah dibuat dengan bertulis atau dengan cakap kepada Ketua Mahkamah itu dengan jalan mana pun hendaklah ia menyuruh si-pengadu itu bersumpah atau membuat pengakuan di atas kebenaran pengduan itu"

Prosedur mengemukakan pendakwaan akan dimulakan apabila Hakim memerintahkan pengawal pengawal Mahkamah supaya memanggil pihak-pihak yang terlibat dengan pendakwaan masuk kedalam Mahkamah, Di samping itu beliau juga akan memerintahkan kepada kerani Mahkamah supaya mencatatkan nama-nama pihak pendakwa di dalam buku pendaftaran Mahkamah, mengikut susunan tertib mereka yang hadir dahulu ke Mahkamah.³³

2.2 Setelah pihak pendakwa masuk, Hakim akan bertanya tentang dakwaan mereka masing-masing dan meneliti semua dakwaan yang dikemukakan kepadanya. Setiap dakwaan itu akan dicatatkan oleh kerani Mahkamah dalam dua salinan, yang mana kedua-duanya mengandungi nama-nama pendakwa dan yang didakwa, tajuk kes dakwaan dan bagaimana cara untuk membuktikannya.

2.3 Selepas itu, kerani Mahkamah akan mengemukakan kedua-dua salinan tersebut kepada Hakim untuk ditandatangani dan dimeteraikan olehnya, serta dicatatkan tarikh pengesahannya di atas kedua-dua salinan tersebut, dan satu salinan akan diserahkan terlebih dahulu kepada yang didakwa sebagai pemberitahuan untuk hadir ke Mahkamah pada hari perbicaraan atau salinan itu diserahkan kepada yang didakwa pada hari perbicaraan itu. Dalam hal ini al-Kasaniy³⁴ menegaskan dengan katanya;

"Sesungguhnya menurut ^cadat yang dipakai di negerinya, kerani Mahkamah yang akan mencatatkan segala dakwaan orangramai di dalam salinan pendaftaran itu dan disebutkan nama-nama pendakwa, dan orang yang didakwa serta saksi-saksi. Kerani Mah-

kamah juga akan menyimpan setiap dakwaan dan menghimpunkan kes-kes dakwaan tersebut pada setiap bulan dalam fail-fail yang berasingan. Beliau juga akan mengemukakan dakwaan itu kepada Hakim, di samping bertugas untuk meneliti semua saksi-saksi dan mengatur prosedur perbicaraan"

3. BAYARAN PERKHIDMATAN PENDAKWAAN

3.1 Sebenarnya, prosedur mendaftarkan segala dakwaan yang dikemukakan kepada Mahkamah adalah sebagai asas bagi memudahkan perjalanan perbicaraan. Jika sekiranya pihak pemerintah mengenakan upah sebagai bayaran perkhidmatan pendakwaan, maka tarikh dan tandatangan Hakim itu menandakan bayaran perkhidmatan itu telah disempurnakan.

3.2 Menyentuh tentang bayaran upah perkhidmatan pendakwaan, menurut Dr. ^CAbdul Karim Zaidan³⁵ di dalam sistem Kehakiman Islam, pihak pemerintah Islam tidak boleh mengenakan sebarang upah perkhidmatan pendakwaan kerana tugas pemerintah ialah mewujudkan sistem Kehakiman, bagi melaksanakan ke-^Cadilan berdasarkan kepada Syari^Cat Allah s.w.t.

3.3 Di samping itu pihak pemerintah juga berkewajiban untuk menyekat segala bentuk kezaliman yang berlaku serta berusaha mengembalikan hak-hak tertentu kepada orang yang berhak menerimanya. Pendapat ini disokong oleh bukti-bukti sejarah bahawa masyarakat yang terdahulu tidak pernah membuat bayaran perkhidmatan kepada Hakim yang menjalankan perbicaraan. Al-Faqih Ibn Mazah³⁶ ketika beliau membicarakan tentang upah kepada Qasamah (pembahagi), beliau berkata;

"Upah atau gaji para Hakim adalah di ambil dari Baitulmal. Begitu juga upah bagi kerani, pembantu-pembantu Hakim dan Qassam adalah diambil dari sumber Perbendaharaan negeri atau Baitulmal".

3.4 Kemudian beliau menambah lagi dengan katanya, "sesungguhnya sistem Kehakiman Islam itu adalah cara untuk memperdekatkan diri dan melakukan ketaatan kepada Allah s.w.t., kerana ia dapat menolak penganiayaan dari orang yang dizalimi, maka Kehakiman itu dapat diumpamakan seperti mengajar kitab Al-Qur'an, kitab Fiqh dan sebagainya. Sedangkan pengajaran-pengajaran itu tidak harus diambil upah. Oleh itu tidak diharuskan kepada mana-mana pihak mengambil upah bayaran perkhidmatan pendakwaan hasil dari tugas-tugas Kehakiman!"³⁷

4. TIDAK MENURUT SUSUNAN DALAM MENDENGAR PEN- DAKWAAN

4.1 Walau pun menurut kaedah kehakiman, Hakim hendaklah menjalankan perbicaraan menurut tertib siapakah yang dahulu membuat dakwaan sebagaimana yang dicatatkan di dalam buku pendaftaran tetapi Hakim boleh mengenyepikan dari mengikuti susunan tertib tersebut dalam keadaan tertentu sahaja. Beliau harus memberikan keutamaan kepada orang-orang yang mempunyai keuzuran yang tidak mampu untuk menunggu sehingga tiba gilirannya. Begitu juga beliau boleh mengutamakan orang-orang yang di dalam musafir yang mempunyai urusan segera, kerana dikhuatiri kemudharatan menimpa ke atas mereka. Sekiranya Hakim melewatkan perbicaraan sehingga tiba giliran mereka.

4.2 ³⁸ Ibn Qudamah dalam kitabnya 'al-Mughnīy' ada menegaskan bahawa seseorang Hakim harus mengutamakan perbicaraan orang-orang yang musafir terlebih dahulu daripada orang lain, jika bilangan mereka itu sedikit. Sebaliknya jika bilangan mereka itu ramai, andaikata jika didahulukan kes-kes mereka boleh memudharatkan orang lain maka

Hakim tidak seharusnya mengeneppikan kaedah yang telah ditetapkan, kerana kemudharatan orang lain.

5. WAKIL DALAM PENDAKWAAN

5.1 Pada asasnya pihak pendakwa sendiri yang mengemukakan dakwaannya kepada Hakim, sekiranya ia nya memenuhi syarat-syarat kelayakkan dan sifat sebagaimana yang telah dibincangkan terdahulu daripada ini. Namun demikian pihak pendakwa boleh mewakilkan dakwaannya kepada orang lain bagi menggantikan tempatnya.

5.2 Mewakilkan kepada orang lain untuk mengemukakan pendakwaan kepada Hakim hukumnya adalah harus, samada wakil itu mengenakan sebarang upah atau sebaliknya. Apa yang dimaksudkan dengan upah mendakwa ialah orang yang berwakil itu telah menjanjikan kadar upah yang tertentu kepada wakilnya.³⁹ Oleh itu wakil tersebut berhak menerima upah yang telah dijanjikan oleh orang yang berwakil, sekiranya Hakim memutuskan kemenangan bagi pihak-pihaknya. Sebaliknya ia tidak berhak menerima upah tersebut jika ianya gagal untuk

85

mensabitkan sesuatu hak di dalam dakwaannya. Persoalannya, sejauhmanakah syarat ini harus di-amalkan? Para Fuqaha' tidak bersepakat dalam hal ini. Sebahagiannya mengharuskan kerana terdapat persamaan dengan masalah memberi upah kepada seseorang doktor yang merawat sesuatu penyakit. Manakala menurut Imam Malik hukumnya adalah makruh, menurut satu riwayat. Sedangkan dalam riwayat yang lain, beliau berpendapat hukumnya adalah harus. Salah seorang dari sahabat beliau menerangkan sebab dikatakan makruh ialah kerana perbicaraan dalam satu-satu dakwaan itu, kadang kala memerlukan masa yang panjang, mungkin tidak mencapai matlamatnya. Manakala dikatakan hukumnya harus memberi upah kepada wakil, kerana manusia sering berhajat kepada wakil.⁴⁰

5.3 Sehubungan dengan ini al-Faqih al-Sam-nani⁴¹ berkata, sesungguhnya apabila telah sah perlantikan seseorang wakil, maka Hakim haruslah mendengar dakwaannya, pada kes-kes yang membolehkan perlantikan wakil kerana Nabi Muhammad s.a.w. pernah berwakil Umar Ibn Umaiyyah al-Dzamari dalam perkahwinan baginda dengan Ummu

Habibah binti Abi Sufian, maka Umar menerima aqad nikah bagi pihak Rasulullah s.a.w. Ini adalah menjadi amalan manusia diseluruh tempat".

6. BERAKHIRNYA MANDAT (WAKALAH) MENDAKWA

6.1 Seseorang yang menjadi wakil dalam satu-satu kes tertentu tidak boleh mewakilkan ke-orang lain, kecuali orang yang berwakil itu memberikan keizinan dan mandat kepadanya untuk ia-berbuat demikian, atau wakil itu sendiri tidak dapat mengendalikan kes tersebut.

6.2 Menurut al-Faqih al-Samnani, mandat atau wakalah di dalam satu-satu dakwaan akan berakhir apabila orang yang berwakil atau orang yang di-wakilkan itu meninggal dunia. Begitu juga jika pihak wakil sendiri memecat dirinya atau dipecat oleh orang yang berwakil, maka mandat atau wakalah akan berakhir apabila kanak-kanak yang di-wakilnya itu telah menjadi baligh atau kanak-kanak itu meninggal dunia.⁴²

6.3 Namun demikian, orang yang berwakil itu tidak mempunyai hak untuk memecat wakilnya sekiranya ada kaitan dengan hak-hak orang yang diwakil seperti bayaran dan sebagainya, melainkan ternyata terdapat penipuan dari pihak wakil itu sendiri. Begitu juga jika wakalah itu ada hubungkait dengan hak-hak orang lain, maka orang yang mempunyai hak dalam pendakwaan itu boleh melarang seseorang dari pada mereka memecat wakilnya.⁴³

6.4 Oleh itu seseorang wakil itu tidak akan terpecat dengan sendirinya dari wakalah itu disebabkan kematian orang yang berwakil sedangkan dakwaan yang dikemukakan itu hampir selesai dan mencapai keputusan, maka waris-waris bagi pihak yang berwakil tidak harus memecat wakilnya.⁴⁴

7. PERLANTIKKAN PENDAKWARAYA

7.1 Sebagaimana yang dijelaskan bahawa pihak pendakwa, wakil atau walinya yang sah sahaja yang boleh mengemukakan dakwaan kepada Hakim, samada di dalam kes sivil atau kes jenayah. Persoalannya, adakah pihak pendakwaraya diharuskan untuk menge-

mukakan pendakwaan dalam kes-kes jenayah sebagaimana yang berlaku pada masa sekarang?. Menurut pendapat Dr. ^cAbdul Karim Zaidan, perlantikan Pendakwaraya adalah digalakkan, kerana kesalahan-kesalahan itu merupakan perbuatan yang diharamkan oleh syara^c dan boleh mendatangkan kemudharatan kepada individu dan masyarakat. Sedangkan Syari^cat Islam memerintahkan supaya membasmi segala bentuk kemudharatan, kejahatan dan kefasadan.

7.2 Pihak pemerintah bertanggung jawab untuk mengambil apa sahaja tindakan yang sesuai bagi memastikan tujuan ini tercapai. Antaranya, dengan membentuk Badan Pendakwaan Awam (Public Prosecution) yang berfungsi untuk mengesan segala bentuk kesalahan yang dilakukan. Badan ini juga bertanggungjawab dan bertindak sebagai mewakili individu dan masyarakat yang mengalami kemudharatan, disebabkan berlakunya jenayah.

7.3 Setiap kesalahan jenayah itu ada hubungannya dengan hak-hak Allah s.w.t., samada hak Allah sepenuhnya atau hak Allah bersama hambanya. Hak Allah ertinya sesuatu yang berkaitan dengan

kepentingan masyarakat (awam). Oleh itu pihak pemerintah berhak melantik sesiapa sahaja sebagai Pendakwanya bagi mewakili individu dan masyarakat untuk membuat dakwaan kepada sesiapa yang melakukan jenayah.⁴⁵

NOTA KAKI

- 1 ^cAbdul Karim Zaidan, Nizām al-Qāda' fi-Syarī^cat al-Islāmiyyah, Baghdad, 1984, hlm. 133
- 2 Al-Samnānī, Raudah al-Qudāti, dipetik dari kitab ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 133
- 3 Shihabuddin Abu Ishak Ibrahim Ibn ^cAbdullah al-Ma^cruf bi Ibn Abi Dam, Adab al-Qadai, hlm. 131-132. Lihat juga, Abi al-Hasan ^cAli bin Muhammad bin Habibū al-Mawardi al-Basri, Adab al-Qadī, Juzu' 2, Baghdad, hlm. 322-323
- 4 Ibid.
- 5 Al-Qurān, Surah An-Nūr, ayat. 51
- 6 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 134
- 7 Kanun Prosedur Jenayah (N.M.B. Bab 6), Kuala-Lumpur: International Law Book Services, 1987, Seksyen 34(i).
- 8 Ibid., seksyen 34(ii)
- 9 Ibid., seksyen 35(i)
- 10 Ibid., seksyen 35(iv)

- 11 Ibid., seksyen 36
- 12 Mua^cwadh ^cAbdul Tawwab, al-Habsu wal Ihtiāti, hlm. 22, 46, 47, 51 dan 52
- 13 Kanun Prosedur Jenayah, op.cit., seksyen 38(i)
- 14 Ibid., seksyen 38(ii)
- 15 Ibid., seksyen 40(i)
- 16 Ibid., seksyen 41
- 17 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 134
- 18 Ibid.
- 19 Ibid., hlm. 135
- 20 Ibid.
- 21 Qudri Afandi, Wāqī^cat al-Muftīn fī Fiqh al-Hanafi, dipetik dari kitab ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 125

- 22 Ibid.
- 23 Kanun Prosedur Jenayah, op.cit., seksyen 121
- 24 Ibid., seksyen 122
- 25 Ibid., seksyen 125
- 26 Ibid., seksyen 126
- 27 Ibid., seksyen 127
- 28 Ibid., seksyen 125
- 29 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 125
- 30 Ibid.
- 31 Al-Khattāb, dipetik dari kitab ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 125
- 32 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Selangor), Pindaan 1974, seksyen 51
- 33 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 126-127
- 34 Alauddin Abi Bakar bin Mas^cud al-Kasanīy, dipetik dari kitab ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 127

- 35 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 126
- 36 Hishāmuddin Umar Ibn Abdul Aziz bin Māzah, dipetik dari kitab ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 126
- 37 Ibid.
- 38 Abi Muhammad ^cAbdullah Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Qudamah, al-Mughniy, Juzu' 9, Maktabah Riyad al-Hadisah, hlm. 83
- 39 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 130
- 40 Ibid.
- 41 Al-Samnani, dipetik dari kitab ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 130
- 42 Ibid.
- 43 Burhanuddin Ibrahim bin Ali bin Abi Qassim Ibn Muhammad bin Farahun, Tabssirah al-Hukkam Usul al-Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam, Juzu' 1, hlm. 181
- 44 Ibid.
- 45 ^cAbdul Karim Zaidan, op.cit., hlm. 131